

Chee Hean terima Ijazah Kehormat Doktor Persuratan NTU

Pengiktirafan diberi atas sumbangan kepada S'pura



Mantan Timbalan Perdana Menteri, Encik Teo Chee Hean (kiri) menerima ijazah kehormat Doktor Persuratan daripada Presiden Tharman Shanmugaratnam (kanan), yang juga Canselor Universiti Teknologi Nanyang (NTU), dalam satu majlis di NTU pada 26 Ogos. – Foto ST

Mantan Timbalan Perdana Menteri serta Penasihat Kanan di Pejabat Perdana Menteri (PMO), Encik Teo Chee Hean, menerima ijazah kehormat daripada Universiti Teknologi Nanyang (NTU) pada 26 Ogos atas sumbangannya kepada Singapura selama beberapa dekad.

Selepas menceburi politik pada Disember 1992, Encik Teo menyandang beberapa jawatan Kabinet, termasuk Menteri Ehwah dalam Negeri, Pertahanan dan Pendidikan.

Beliau pernah berkhidmat sebagai Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara dan Menteri Kanan sebelum bersara pada 2025.

Pengurniaan itu turut membawa Encik Teo kembali kepada sejarah awal institusi tersebut, dengan hubungannya dengan universiti itu terjalin sejak awal penubuhannya.

Sebagai anggota majlis Institut Teknologi Nanyang (NTI) dari 1988 hingga 1991, beliau menyelia penyusunan semula NTI menjadi NTU serta penggabungan Institut Pendidikan Nasional (NIE) dengan NTU pada Julai 1991.

Encik Teo, yang merupakan Pengurus Temasek, menerima ijazah kehormat Doktor Persuratan daripada Presiden Tharman Shanmugaratnam, yang juga canselor NTU, dalam satu majlis di universiti itu.

Dalam ucapannya, Encik Teo berkata beliau berpeluang bertukar pendapat dengan kakitangan dan pelajar NTU mengenai pendidikan dan penyelidikan, termasuk ketika menjadi Pengerusi Yayasan Penyelidikan Nasional (NRF).

“Melalui wawasan dan usaha berterusan setiap generasi, NTU semakin diiktiraf dan mencapai kedudukan antarabangsa yang tinggi dalam pengajaran dan penyelidikannya,” katanya.

Presiden NTU, Profesor Ho Teck Hua, berkata Encik Teo membantu membentuk asas awal NTU dan men-

jadikan bidang perguruan kerjaya sepanjang hayat yang memuaskan dan anjal.

Keputusan mengubah NTU menjadi universiti pelbagai bidang dibuat pada 2003, ketika Encik Teo menjadi Menteri Pendidikan.

Profesor Ho berkata Encik Teo memahami bahawa mutu sistem pendidikan bergantung pada mutu guru. Beliau menaikkan gaji guru dan mewujudkan tiga laluan kerjaya: pengajaran, kepimpinan sekolah dan kepakaran kanan.

Hari ini, guru terlatih NIE memulakan kerjaya dengan gaji bulanan \$5,000, setanding siswazah kejuruteraan.

“Encik Teo memahami bahawa bidang perguruan ialah satu panggilan. Namun, kerjaya itu tidak seharusnya menuntut pengorbanan yang terlalu besar,” kata Profesor Ho.

Encik Teo turut memperluas laluan pendidikan dan memantapkan pendidikan teknikal sebagai laluan yang diiktiraf menuju kejayaan.

Ketika beliau menjadi Menteri Pendidikan, kelayakan Nitec menjadi penanda aras baharu bagi latihan Institut Pendidikan Teknikal (ITE), yang meningkatkan keyakinan majikan terhadap kemahiran lulusannya.

Mengenai masa hadapan, Encik Teo berkata walaupun kecerdasan buatan (AI) mungkin menyediakan pembimbing peribadi bagi setiap pelajar, guru tetap penting untuk mencabar, membimbing dan mendorong serta membantu pelajar.

“Teknologi, walau sehebat mana sekalipun, tidak mampu membuat pertimbangan, membina kepercayaan atau memikul tanggungjawab terhadap kesannya,” katanya.

Encik Teo berkata universiti bukan sekadar tempat memperoleh kemahiran, tetapi juga tempat belajar bekerjasama dan berbeza pendapat tanpa berpecah.